

17/10/2003

10,000 sampai mesej keamanan

PERBARISAN Keamanan yang disertai kira-kira 10,000 ahli pertubuhan bukan kerajaan, pelajar dan parti politik di Boulevard Putrajaya, semalam, berjaya menyampaikan mesej keamanan sejagat kepada ketua negara dan kerajaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mereka berbaris sepanjang kira-kira dua kilometer, bermula di depan Istana Keadilan sehingga Jambatan Seri Gemilang sambil mengibarkan sepanduk empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan Perancis bagi menarik perhatian ketua negara dan ketua kerajaan serta delegasi yang berarak masuk Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) untuk menghadiri Sidang Kemuncak OIC.

Kehadiran mereka, terutama pelajar yang berpakaian sekolah sambil bersorak *We Want Peace*, menarik perhatian delegasi yang melambai-lambaikan tangan.

Antara lain, sepanduk mengaitkan konflik dan penderitaan rakyat Iraq dan Palestin. Beberapa pelajar turut berlakon seolah-olah cedera dengan kepala berbalut dan pakaian terkena darah untuk menggambarkan penderitaan rakyat yang dilanda konflik seperti Palestin dan Iraq.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang melalui Boulevard kira-kira jam 8.08 pagi turut menurunkan cermin tingkap kereta sambil melambaikan tangan.

Selepas Dr Mahathir memasuki PCC, konvoi yang membawa lebih 30 ketua negara dan kerajaan melalui Boulevard Putrajaya secara berperingkat sehingga jam 10 pagi.

Barisan Keamanan adalah sebahagian daripada acara yang dianjurkan oleh Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang memperjuangkan isu keamanan sejagat.

Penyelaras Aman Malaysia, Zulkifli Mohd Alwi, yang mengetuai perbarisan itu, menyifatkan program berkenaan berjaya menyampaikan mesej kepada ketua negara dan kerajaan serta delegasi yang menghadiri persidangan itu.

"Dengan mesej itu, kita harap ketua negara dan kerajaan OIC dapat mengambil ketetapan dan melaksanakan tindakan tegas ke arah penyelesaian segera isu keamanan sejagat, khususnya konflik di Palestin dan Iraq," katanya kepada pemberita.